

Tema Kepentingan Kepelbagaian *Gadjet* dan Komunikasi Digital

MAZNIDA MAHADI
TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD ALI
SALINAH JA'AFAR
Universiti Malaya

MAWAR SHAFEI
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Masyarakat hari ini memahami bahawa teks boleh dipindahkan ke bentuk media baru dengan bantuan Internet seperti *e-book*, *blog*, dan media sosial. Mereka boleh memuat turun seberapa banyak bahan bacaan digital mengikut keperluan dan kaedah ini terbukti lebih bersifat mesra pembaca, murah, cepat dan mudah kerana mereka tidak lagi perlu memikul beban membawa buku fizikal yang berat ke mana-mana sahaja. Kebolehpayaan komunikasi digital untuk mengkomersialkan sesuatu perkhidmatan atau jualan tertentu dengan cepat, mudah dan murah telah menjadikan perkara ini diangkat sebagai tema dalam karya sastera, cerpen media baru. Kepentingan penggunaan pelbagai *gadjet* serta keberkesanan komunikasi digital mengiklan, memasarkan dan mempromosikan sesuatu perkhidmatan menjadikan hal ini mendominasi keseluruhan tema cerpen media baru. Persoalannya, bagaimanakah pengkarya mencerna, mengadun dan mengolah tema kepentingan kepelbagaian *gadjet* dan komunikasi digital ini dalam cerpen media baru supaya menarik dan terserlah kekuatannya? Makalah ini dihasilkan dengan menganalisis cerpen media baru yang memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017 berdasarkan Teori Estetika Sastera Global. Melalui teori ini, penilaian dilakukan dengan menyatakan dan menghuraikan pengalaman pembacaan cerpen media baru, meneliti aspek keindahan yang terpancar daripada gaya bahasa yang digunakan pengarang, pembinaan struktur karya dan aspek kontekstual yang diungkap oleh pengarang dalam cerpen media baru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keenam-enam cerpen media baru yang dianalisis mengangkat tema kepentingan kepelbagaian *gadjet* dan keberkesanan komunikasi digital. Keseluruhan cerpen media baru Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017, menekankan impak serta manfaat hasil penggunaan *gadjet* dan komunikasi digital. Walaupun tema yang diangkat pengarang bersifat '*urban*' tetapi aspek estetika sastera global masih dikekalkan oleh kesemua pengarang.

Kata Kunci: *Cerpen media baru, tema, gajet, komunikasi digital, estetika sastera.*

Gadgets and Digital Communication Themes in New Media Short Stories

ABSTRACT

Today's society understand that text can be transferred to new media forms with the help of the Internet such as e-books, blogs, and social media. They can download as many digital reading materials as they need, and these methods prove to be more reader-friendly, inexpensive, fast and easy as they no longer have to carry the burden of carrying heavy physical books anywhere. The ability of digital communication using the internet to commercialize a particular services or sales in a quick, easy and affordable way has made this as important issue to discuss. The importance of using a variety of gadgets as well as the effectiveness of digital communications dominating as a theme of

new media of short stories in HSKU 2017. The question is how do the writer digest, mix and elevating the importance of the gadgets and digital communication themes in the new media of short stories to appeal and show their strengths? In this regard, this paper is to analyze the new media of short stories that won the *Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2017* based on the Global of Literary Aesthetics Theory. This theory examines the expression and experience of the readers, aspects of the aesthetic emanating from the language used by the authors, the construction of work structures and the contextual aspects revealed by the authors in the new media of short stories. The findings show that the six new media of short stories briefly raise the theme of the importance of gadget diversity and digital communications themes. Inevitably, the new media short stories HSKU 2017 emphasizing the impact and benefits of using gadgets and digital communications. Even though the theme adopted by the authors are urban, nevertheless without fail, the aesthetic aspect of global literature is still maintains.

Keywords: *New media stories, gadgets, digital communications, literary aesthetics, literature.*

PENGENALAN

Karya sastera merupakan pemikiran pengarang yang diterjemahkan ke dalam bentuk teks, dan teks pula secara hakikatnya difahami sebagai sebuah bahan bercetak seperti buku atau majalah. Namun begitu, dalam konteks masyarakat internet hari ini, mereka turut memahami bahawa teks juga boleh dipindahkan ke bentuk media baru dengan bantuan Internet seperti *e-book*, *blog*, dan media sosial. Masyarakat internet boleh memuat turun seberapa banyak bahan bacaan digital mengikut keperluan mereka dan kaedah ini terbukti lebih bersifat mesra pembaca, murah, cepat dan mudah kerana mereka tidak lagi perlu memikul beban membawa buku fizikal yang berat ke mana-mana sahaja. Bahan bacaan tersebut telah dialihkan ke dalam bentuk digital serta boleh dimuatkan dalam sebuah tablet.

Perkembangan teknologi maklumat dan kewujudan pelbagai kemudahan komunikasi digital yang canggih, mesra pengguna dan terkini telah membuka peluang kepada komuniti maya menikmati karya sastera dengan mudah selain meneroka untuk tujuan mendapatkan maklumat, berita, hiburan, informasi ataupun bahan pembelajaran. Internet menjadi medan untuk merencanakan penulisan dan penyebaran karya sastera.

Penerimaan masyarakat internet terhadap karya sastera media baru tidak boleh disangkal lagi. Keterbukaan internet memberi impak besar kepada kehidupan manusia serta mengubah gaya hidup secara keseluruhan iaitu daripada komuniti sosial kepada komuniti maya. Di Malaysia, karya sastera media baru atau karya sastera digital telah mula diperkenalkan sejak tahun 2002 oleh Wan Abu Bakar dan Hasimah Harun melalui portal sastera siber yang dibangunkan oleh mereka ketika itu, melalui laman sesawang www.communityzero.com/esastera (Puzi Hadi, 2015, hlm. 57-74). Sastera media baru dan sastera digital di Malaysia kini terus berkembang serta menjadi wadah terbaik untuk penulis baru berkarya.

Ku Seman Ku Hussain melalui tulisannya *Sastera dan Media: Cabaran dan Peluang dlm Sastera Teras Negara Bangsa* (2015, hlm. 442) menyatakan bahawa melalui kaedah tradisional, karya sastera yang dibukukan dicetak dan dijual. Tetapi dengan keberadaan Internet, strategi pemasaran buku berubah dengan mendadak, daripada menjual secara tradisional di kedai-kedai, buku kini boleh dijual secara dalam talian. Kenyataan ini dikukuhkan dengan statistik yang dikeluarkan oleh *Internet World Stat Usage and Population Statistics* menunjukkan bahawa sehingga Jun 2019 masyarakat Asia paling banyak menggunakan internet iaitu sebanyak 4,241,972,790 orang berbanding

7,716,223,209 orang masyarakat di dunia. Berdasarkan statistik ini, ternyata peluang kebolehpasaran karya sastera secara dalam talian terbuka luas.

Penulis berpeluang untuk memasarkan dan mempromosikan karya digital atau karya bercetak mereka secara dalam talian dengan menggunakan media sosial seperti seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Website* ataupun blog. Semuanya boleh dilakukan di hujung jari tanpa perlu bersempua secara terus atau tanpa perlu mengeluarkan modal yang besar untuk memiliki sebuah kedai buku fizikal. Masyarakat internet boleh memilih buku yang dihajati atau yang dikehendaki, melakukan pembayaran atas talian dan buku digital yang dikehendaki boleh dimuat turun dengan segera. Bukan sahaja karya digital, pesanan terhadap karya cetak juga boleh menggunakan kaedah yang sama. Masyarakat internet hanya perlu memilih buku yang diinginkan, membuat pesanan serta pembayaran atas talian, buku dengan segera akan diposkan dan pembeli hanya perlu menunggu buku tersebut tiba di depan pintu dalam tempoh kurang 3 hari atau dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Fungsi internet telah memudahkan tugas pelbagai pihak iaitu, masyarakat internet atau komuniti maya selaku pembeli, penerbit buku dan juga penulis. Kenneth Josh dalam *Ku Seman* (2015, hlm. 443) telah memberikan reaksi tentang peluang menggunakan laman web untuk memasarkan buku seperti berikut:

Penerbit dan penjual buku boleh menjimatkan belanja mencetak, menghantar dan terpaksa menerima semula buku yang tidak habis dijual apabila buku dijual dalam bentuk digital.

Malah menurut *Ku Seman* lagi (2015, hlm. 443) Internet memberikan peluang lain kepada buku-buku yang baik, yang sebelum ini tidak boleh dijual dengan menggunakan kaedah konvensional kini bernilai tinggi apabila dipindahkan dalam bentuk digital yang boleh dibeli secara dalam talian. Pada masa yang sama, Internet melahirkan pelanggan-pelanggan baharu dalam industri perbukuan, termasuklah karya sastera apabila generasi baharu kini yang bersehati dengan Internet dapat memperolehnya secara digital.

KAJIAN LEPAS

Tinjauan terhadap kajian lepas mendapati terdapat beberapa buah kajian mengenai karya sastera media baru, antaranya oleh Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng (2018) yang telah melihat *Proses Kreatif dalam Media Digital* dengan menggunakan genre cerpen daripada laman sesawang terpilih untuk membincangkan struktur karya digital yang memungkinkan karya berbentuk siber mendapat perhatian pembaca. Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa sastera media digital telah membawa perkembangan baru dalam kesusasteraan tanah air berikutan penyesuaian dan akibat perubahan media. Kajian juga mendapati pengisian karya dalam sastera siber telah membantu menjana ekonomi industri kreatif negara. Kekuatan kajian adalah apabila aspek struktur sesebuah karya telah dirungkai dengan baik mengikut pendekatan struktural. Namun begitu, masih terdapat aspek lain yang tidak diteliti oleh Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng iaitu pengalaman pembacaan teks, aspek keindahan bahasa, cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolah karya, aspek kontekstualnya dan kekuatan dan kelemahan teks yang merupakan perbezaan ketara dengan kajian yang telah dilakukan oleh Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng.

Seterusnya kajian yang telah dilakukan oleh Puzi Hadi (2015) berjudul *E-Sastera Malaysia: Online dan Offline*. Kajian tersebut sepintas lalu membincangkan tentang sumbangan para penyair eSastera dengan karya puisi yang tersiar melalui portal eSastera.com. Puisi-puisi yang tersiar di portal tersebut kemudiannya telah diterbitkan dalam buku kumpulan puisi perseorangan dan berkumpulan oleh syarikat penerbitan eSastera Enterprise. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gerakan sastera siber eSastera Malaysia yang menjangkau usia 12 tahun ketika itu telah menampakkan impak positif kepada pengkarya sastera siber. Memandangkan kajian yang dilakukan oleh Puzi Hadi hanya melihat kepada genre puisi dan fokusnya kepada sumbangan para penyair eSastera, kajian ini dilihat penting untuk melihat kekuatan dan kelemahan karya sastera media baru selain puisi dalam hubungan masyarakat internet.

Ku Seman (2015) turut membuat kajian berjudul *Sastera dan Media: Cabaran dan Peluang* yang mengupas tentang sastera dan peluang yang telah ditawarkan oleh internet berbanding cabaran dan peluang yang ditawarkan oleh media terhadap karya sastera. Internet menurutnya telah membuka satu dimensi baru dalam semua bidang berkaitan dengan kehidupan dan sastera juga tidak terkecuali. Memandangkan kajian tersebut tidak menyentuh perspektif subjektif pembaca dan tidak melihat teknik penceritaan teks sastera digital dan hanya melihatnya secara umum, maka kajian ini perlu dilakukan bagi meneliti kebolehpasaran karya sastera digital dalam hubungan masyarakat internet berdasarkan keistimewaan yang ditampilkan oleh karya sastera media baru sehingga penampilannya diterima dan disambut baik oleh pembaca.

Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, kajian oleh Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng (2018), merupakan kajian yang paling hampir atau dekat dengan kajian yang dilakukan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Analisis teks dilakukan terhadap beberapa buah cerpen media baru yang telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017 dari laman sesawang *UTUSAN MALAYSIA on-line*. Media baru menurut Norazleen et al. (2011, hlm. 3) ialah "wacana penyampaian maklumat dengan cara yang lebih moden dan terkini yang melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan tanpa beralas mahupun yang bersifat lebih sentimental mengutarakan maklumat secara molek dan lunak". Menurut Croteau dan Hoynes (1997, hlm. 12), media baru ialah media yang muncul hasil daripada inovasi teknologi dalam bidang media seperti televisyen, satelit, teknologi fiber optik dan komputer. Dengan media baru, masyarakat internet dapat membuat pilihan interaktif melalui respon media yang pelbagai. Dalam konteks kajian ini, cerpen media baru dipilih untuk dianalisis secara ringkas menggunakan Teori Estetika Sastera Global yang diperkenalkan oleh Mana Sikana. Estetika menurut Mana Sikana (2013, hlm. 129) ialah pecahan daripada epistemologi falsafah. Estetika ialah unsur halus yang tersurat dan tersirat dalam teks, mendatangkan keseronokan sewaktu menikmatinya melalui bacaan, dengar dan tontonan. Menurut Mana Sikana (2013, hlm. 142-147), analisis menggunakan teori ini boleh dilakukan mengikut lima kaedah analisis seperti berikut:

- a. Menyatakan dan menghuraikan pengalaman pembacaan teks yang sedang dibaca. Teori ini merujuk kepada peranan dan mekanisme khalayak berdepan dengan teks sastera, membaca, mengapresiasi, memahami, menanggapi dan mencari maknanya. Teori ini memberikan perhatian kepada peranan pembaca menentukan nilai atau kedudukan sesebuah teks itu, termasuklah dalam usaha pencarian dan pemberian makna karya sastera.
- b. Meneliti aspek keindahan yang terpancar daripada bahasa yang digunakan pengarang.
- c. Menganalisis cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolah karya.
- d. Menganalisis aspek kontekstualnya.
- e. Menganalisis aspek kekuatan sesebuah teks sastera.

Analisis dilakukan bagi menjawab persoalan, apakah bentuk pengalaman yang ditampilkan oleh cerpen media baru, keindahan bahasa yang digunakan, kebolehan pengarang mencerna mengadun dan mengolah karya, aspek kontekstualnya dan kekuatan cerpen media baru. Karya digital seperti cerpen media baru seumpama ini tidak hanya menghiasi laman sesawang yang berkenaan tetapi turut dipilih untuk dicetak dan diterbitkan oleh syarikat penerbitan buku popular Malaysia seperti Tinta Rona Publication Sdn Bhd, Buku Prima, Alaf 21, Kaki Novel, Fixi, Karyaseni, KarnaDya, Jemari Seni dan beberapa syarikat penerbitan buku popular yang lain. Tidak kurang daripada itu, ada antara karya digital menjadi pilihan penerbit filem dan drama tempatan untuk diadaptasi ke bentuk filem dan drama televisyen sebagaimana menurut Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng (2018, hlm. 99), antara karya popular yang bermula dengan karya internet, seterusnya diterbitkan dalam bentuk cetakan dan kemudiannya diadaptasi dalam bentuk drama TV misalnya *Sebenarnya Saya Isteri Dia* (2013), *Love you Mr Arrogant!* (2013), *Sayangku Kapten Mukriz* (2016), *Suamiku Encik Perfect 10* (2015), *Suamiku Encik Sotong* (2016) dan *Suamiku Abang Bomba* (2016) telah mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan pembaca dan penonton. Walau bagaimanapun perbincangan bagi makalah ini tidak meneliti karya digital popular tersebut sebaliknya melihat karya digital iaitu cerpen media baru yang telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017 dengan menggunakan Teori Estetika Sastera Global untuk memperlihatkan tema dominan yang diangkat pengarang dalam cerpen media baru tersebut.

TEORI ESTETIKA SASTERA GLOBAL

Teori Estetika Sastera Global ini turut disebut sebagai Teori Estetika atau Teori Estetik oleh Mana Sikana (2013, hlm. 318). Teori ini memberi fokus kepada penilaian teks sastera kreatif dan dalam konteks ini, cerpen media baru diteliti dari aspek-aspek keindahan iaitu pengalaman membaca yang memberikan rasa keseronokan dan kegembiraan, bernilai dan bermanfaat, nikmat dan mempesonakan, memukau penglihatan dan kekal dalam pemikiran. Dalam konteks kajian ini, keindahan boleh terpancar daripada bahasa yang digunakan oleh pengarang. Cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolah karyanya juga menyerlahkan rasa keindahan (Mana Sikana, 2014, hlm. 318). Keindahan merupakan daya tarikan dan kepuasan penikmatan karya sastera terhadap aspek susunan unsur struktur harmonis yang memiliki perasaan, pemikiran dan sebagainya. Setiap komposisi karya

memiliki keindahannya tersendiri. Khalayak akan membina pula sikap estetikanya bagi menerima teks-teks tersebut. (Mana Sikana, 2013, hlm. 131).

Aspek keindahan bahasa turut menjadi satu aspek yang mendokong teori ini. Penelitian aspek keindahan bahasa diteliti melalui bahasa yang digunakan oleh pengarang. Aspek ini menilai sejauh mana keberhasilan pengarang mengaplikasi dan mengolah bahasa dengan sesuai supaya karya kreatif yang dihasilkan bersifat imaginatif, figuratif, simbolik, memiliki unsur-unsur estetik sambil berupaya menyuguhkan persoalan dan pemikiran pengarang. Oleh itu, analisis kajian bahasa menunjukkan bagaimana pengarang menulis sebuah karya dengan baik dan cara mengeksploitasikan bahasa dengan sebaik mungkin.

Teori Estetika Sastera Global turut mewacanakan teksnya daripada sudut pengolahan atau pembinaan karya. Kekuatan olahan dilihat berdasarkan aspek tema, plot, watak, bahasa atau sudut pandangan dan latar. Kekuatan olahan juga bererti kekuatan teknik dan pencernaan pelbagai aspek dan komponen yang membina sesebuah karya (Mana Sikana, 2013, hlm. 137).

Selain itu, teori ini berfungsi untuk menganalisis aspek kontekstualnya iaitu menganalisis isu sosial yang terdapat dalam karya. Segala aspek karya diteliti dari sudut kepentingan kemasyarakatan, dilihat dalam konteks besar kecil atau penting tidak yang dihubungkan berdasarkan keperluan masyarakat pada ketika karya itu dihasilkan. Menurut Mana Sikana (2013, hlm. 145), isu yang baik ialah yang sesuai dengan tuntutan pembaca yang mengerakkan mereka untuk lebih sensitif terhadap hidup bermasyarakat.

Seterusnya, teori ini menganalisis aspek kekuatan sesebuah teks sastera. Aspek ini mempunyai perkaitan dengan analisis melalui pengalaman pembacaan. Pengalaman pembacaan yang menarik terhadap sesebuah teks, dapat memberikan penilaian bahawa teks yang dibaca mempunyai nilai estetik. Teks tersebut juga dilengkapi dengan penggunaan bahasa yang baik dan mempesonakan serta pembinaan struktur kemas dan kukuh. Kesemua aspek tersebut dapat memberikan rasa kepuasan dan terasa bahawa teks yang dibaca mempunyai kekuatan tersendiri. Kekuatan sesebuah teks juga dapat dilihat daripada konsep *wholeness*, *unity*, *complexity* dan *coherence* yang dijelmakan bahawa sebuah teks yang berestetik itu sebagai satu keseluruhan. Keseluruhan itu membentuk satu sistem dengan komponen-komponen dalam sistem itu saling berkaitan dan ditentukan oleh struktur keseluruhan sistem itu (Mana Sikana, 2013, hlm. 146-147).

Sesuai dengan tema kepelbagaian gadget dan komunikasi digital, teori ini dipilih sebagai landasan dan pedoman bagi analisis teks yang dipilih.

PERBINCANGAN KAJIAN

Genre cerpen terus berkembang sehingga ke hari ini. Cerpen atau cerita pendek ini ternyata mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan khalayak memandangkan penerbitannya kini tidak hanya tertumpu kepada penerbitan dalam majalah, akhbar bercetak, antologi dan cerpen kumpulan tetapi turut mewarnai laman web, blog dan portal online akhbar dalam bentuk penulisan digital. *Utusan Online* dan *Selangor Kini* merupakan antara portal akhbar yang menyiarkan cerpen dalam bentuk digital atau disebut sebagai cerpen media baru. Kedua-dua akhbar *online* ini turut menganjurkan sayembara cerpen media baru dengan menawarkan hadiah yang lumayan kepada cerpen media baru yang baik dan berkualiti. Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) kategori Cerpen Media Baharu melalui *Utusan Online* telah mula diperkenalkan pada tahun 2016 manakala Hadiah Sastera Selangor melalui *Selangor Kini*, mula diperkenalkan pada tahun 2015. Berdasarkan penilaian yang telah dibuat oleh panel penilai HSKU 2017 terhadap cerpen media baru, sambutan

yang menggalakkan ini membuktikan penulis semakin selesa berkarya dengan menggali lebih banyak lagi ruang pemikiran dan peluang penyiaran dalam bentuk media baru, di luar kelaziman penyiaran. Keadaan ini mencetuskan perkembangan baharu sealiran dengan perkembangan teknologi semasa. Kemajuan dalam media baharu ini dapat dimanfaatkan dari aspek penciptaannya, lebih-lebih lagi impak yang sedang mengarus perdana dalam kehidupan dan peradaban (2019, hlm. 45).

KEINDAHAN DAN PENGALAMAN PEMBACAAN

Menurut Mana Sikana (2013, hlm. 131), keindahan pengalaman bergantung kepada keunikan pengalaman; pengalaman itu luar biasa, belum pernah dialaminya, menarik dan memberinya kepuasan. Membaca ialah proses penambahan pengalaman. Membaca cerpen media baru melalui *Utusan Online* yang telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2017, ternyata memberi pengalaman pembacaan yang menarik, mengagumkan, menyedihkan dan memeranjatkan. Perasaan seronok timbul tatkala membaca cerpen-cerpen tersebut. Pelbagai ilmu baru diperoleh secara tidak langsung hanya dengan membaca cerpen-cerpen tersebut. Ilmu mengenai gajet, teknologi maklumat, komunikasi digital tanpa batasan dunia dan kemajuan teknologi yang disampaikan secara santai dan bersahaja oleh pengarang memberi pengalaman pembacaan yang luar biasa dan mengoncoang deria rasa pembaca.

Isu kepelbagaian penggunaan gajet dan keberkesanan komunikasi digital yang diangkat sebagai tema dan persoalan dalam cerpen-cerpen media baru memberi ilmu tambah yang baru seterusnya menjelaskan bahawa penggunaan gajet dan kepentingan komunikasi digital dalam kehidupan masyarakat internet seumpama isi dengan kuku, tidak boleh terpisah. Keperluan untuk mendapatkan maklumat dengan cepat, mudah dan pada kos yang rendah telah menjadikan karya sastera sebagai sumber maklumat, gajet sebagai alat dan internet sebagai medium penghubung dalam masyarakat internet sebagaimana yang disebutkan oleh Wordsworth iaitu erti teks tidak pernah terumus dengan sendirinya; pembaca (dalam hal ini, masyarakat internet) mesti bertindak terhadap bahan teks untuk menghasilkan erti. Menurut Wolfgang dlm Selden (1989, hlm. 115) teks sastera berisi 'kekosongan' yang hanya dapat diisi oleh pembaca. Perbuatan mentafsir menghendaki pembaca mengisi kekosongan tersebut.

Hasil daripada pembacaan tersebut, secara tidak langsung masyarakat internet memperoleh pemikiran baru dan turut dipintarkan dengan cebisan ilmu penggunaan gajet dan komunikasi digital yang dijadikan tema dan persoalan dalam karya. Setiap karya memiliki wawasan dan kesan atas wawasan yang dibina dalam teks turut dirasai, usai pembacaan lewat cerpen-cerpen media baru tersebut. Watak-watak yang dibina turut mempunyai wawasan unggul, cita-cita dan keazaman, pandai mengurus masa dan zaman seterusnya menjadi watak yang berjaya. Watak Kamil dalam cerpen '*Pondok Ayah*' menunjukkan kebijaksanaan watak memanfaatkan ilmu teknologi, keluar dari kelaziman, keyakinan yang ampuh dengan merangka masa depan yang cerah dengan memilih kursus pengajian yang tepat dan dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara walaupun pada awalnya hasratnya itu dihalang oleh ayahnya. Begitu juga dengan cerpen '*Aki Popular*' yang menyedarkan khalayak tentang mustahaknya celik teknologi pada zaman yang serba canggih ini. Watak Aki, Ulfa dan Ali merupakan watak kuat dan berjaya kerana berjaya menguruskan pengetahuan seiring masa dan zaman. Sebagai pembaca, ternyata kesan keindahan pengalaman dapat dirasakan sebagaimana yang disebutkan oleh Mana

Sikana (2013, hlm. 131), karya itu memiliki wawasan dan kita mendapatkan kesan atas wawasan yang dibinanya dalam teksnya itu.

Selain itu, walaupun mengangkat tema kepelbagaian gajet dan komunikasi digital, Wardah Putih menerusi cerpen media baru HSKU 2017, *Rumahku Di Desa Hati Abah* memberi keindahan pengalaman yang berbeza tentang kehidupan di desa yang digambarkan seperti berikut:

Mata saya mengitari halaman rumah Abah. Ada bermacam-macam pokok ditanam. Emak dan Abah memang rajin berbudi kepada tanah.

Cekur manis berbunga merah, memang sedap dibuat masak lemak ditaruk bilis. Rimbun pandan jika ditanak dengan beras, harum nasinya. Pohon betik jika berbuah, sebelum ranum, enak digulaikan dengan udang. Daun bebuas, dimakan begitu sahaja jadi ulaman. Begitu juga dengan ulam raja yang enak dimakan mentah. Ada lagi; pokok kunyit, gajus, pelam, nenas, kucai, lidah buaya, jambu batu, mengkudu, sireh cina dan bermacam lagi, di sekeliling rumah Abah.

Saya selalu membayangkan suasana kedesaan ini berada di rumah saya, nun di Selatan. Jika hendak menumbuk sambal, petik saja cabai burung di tepi jendela. Ulamannya pegaga yang tumbuh melata. Berasnya ditanak dengan pandan supaya lebih selera. Manisannya, buah belimbing yang dipotong serong. Emm...sedapnya!

Membaca cerpen ini ternyata memberi keunikan pengalaman, menarik dan memberi kepuasan kepada pembaca. Malah menurut Mana Sikana (2013, hlm. 319) 'membaca ialah proses penambahan pengalaman. Pengalaman keindahan ialah apabila kita merasi kesan yang menarik, mengagumkan, menyedihkan atau memeranjatkan. Seandainya pengalaman yang diberikan pengarang itu istimewa, maka pembacaan kita akan dapat merasakan kenikmatan dan keseronokannya.'

KEINDAHAN BAHASA DAN PENGOLAHAN KARYA

Teks yang unggul dapat menyerlahkan kekuatan dan keindahannya. Melalui teks yang unggul dapat dilihat cara pengarang memilih dan mengangkat aspek tema dan persoalannya, kemudian menghadirkannya dengan teknik yang menawan (Mana Sikana, 2013, hlm. 137). Berdasarkan enam buah cerpen yang telah terpilih sebagai pemenang hadiah utama dan hadiah penghargaan HSKU 2017, kepelbagaian penggunaan gajet dan kepentingan penggunaan komunikasi digital diangkat sebagai tema dan persoalan dalam karya. Walaupun tema ini kelihatan 'urban', tetapi nilai bahasa yang digunakan tetap terlihat indah, kreatif, imaginatif serta berkesan. Bahasa yang digunakan kuat menunjang tema sebagaimana cerpen media baharu HSKU 2017 berjudul *Aki Popular* tulisan Nurimas MS seperti berikut:

Dengan sistem digital ini, masa masuk dan keluar dicatatkan. Sebab itu Aki bayar seringit lima kupang sahaja. Macam dulu, sekejap pun kira dua ringgit. Mana lagi untung?" aku ajak Aki berfikir sejenak. Aku lihat dia terkulat-kulat juga mendengar soalan KBAT tahap minima daripadaku.

ii.

Tergelak seorang-seorang Aki melihat keletah cucu bongsu beraksi di layar telefonnya. Aplikasi *videocall* antara Aki dengan Pak Ngah Zulhid, nun jauh di Rusia sedang berlangsung. Nampak seronok pula aki bermain-main telefon pintar hadiah hari jadinya yang ke-60.

Bahasa yang terkadang terlihat santai membawa makna cerita bahkan bahasa itu sendiri telah memperlihatkan idea, pemikiran dan ideologi yang dibawa oleh pengarang dalam cerpen media baru HSKU 2017 ini.

Teori Estetika Sastera Global juga mewacanakan teks berdasarkan sudut pengolahan atau pembinaan karya. Dalam konteks untuk meninjau dan melihat sudut estetik dalam pembinaan teks sastera ini, tumpuan diberikan kepada tema dan persoalan yang diangkat dalam keenam-enam cerpen terpilih ini. Cerpen mengemukakan satu-satu kejadian atau peristiwa bertujuan untuk menimbulkan kesan-kesan tertentu mengikut tujuan atau motif pengarang. Dasar pembinaan cerpen dibina atas aspek tema, plot, watak, sudut pandangan dan latar. Genre cerpen merupakan naskah cerita pendek yang mudah difahami apabila dibaca. Pembaca tidak mengalami kesulitan untuk memahami dengan cepat buah fikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Justeru itu, tidak mustahil karya sastera digital seperti cerpen media baru menjadi pilihan untuk dibaca oleh masyarakat internet. Membaca keenam-enam cerpen media baru yang telah diangkat sebagai pemenang ini, dengan mudah pembaca dapat memahami tentang peri pentingnya serta impak penggunaan segala bentuk gajet dalam kehidupan seharian. Malah aspek ini turut menjadi perhatian oleh panel penilai semasa membuat penilaian selain tidak mengabaikan kekuatan seni penulisan yang ditampilkan oleh pengarang (Nor Asmah Zakaria, Shahidan Jaafar & Mad Rusli Mohd Jamain, 2019, hlm. 46).

Cerpen berjudul *Pondok Ayah* yang diangkat sebagai pemenang hadiah utama telah mengetengahkan tema kepentingan teknologi merentas zaman melalui konflik perbezaan pendapat antara ayah dan anak iaitu melalui watak Kamil dan ayahnya. Ayah Kamil yang merupakan seorang pengusaha sekolah pondok, sangat menginginkan Kamil melanjutkan pelajaran dalam bidang agama seperti rakan-rakannya yang lain. Walau bagaimanapun Kamil telah memilih kursus Sarjana Muda Media Baharu. Ilmu teknologi yang diperolehi dimanfaatkan sepenuhnya dengan membuat perisian bahan keagamaan. Bertitik tolak dari situ, Kamil membuka syarikat sendiri yang menyediakan aplikasi hafalan doa dan turut mengadakan kelas pengajian agama jarak jauh. Komunikasi digital secara maya ternyata berkesan menarik minat ramai murid untuk mendalami ilmu agama. Penghasilan aplikasi interaktif telefon pintar yang diusahanya juga memenangi anugerah pada peringkat antarabangsa. Kepulangan Kamil ke kampung dan dengan aplikasi media baharu yang diperkenalkanya telah membuatkan sekolah pondok ayahnya mendapat sambutan.

Cerpen *Intan di Antara Kaca* mengangkat tema penyalahafsiran kegunaan gajet boleh mengundang kerugian. Cerpen yang mengisahkan tentang kisah Zahra yang bimbang untuk menggunakan aplikasi melalui pelbagai gajet moden kerana khuatir terhadap kesan buruk penggunaan gajet. Laporan program yang perlu disiapkan oleh Zahra menjadi tertanggung kerana laporan tersebut disediakan secara manual. Tanggapannya kemudian berubah apabila melalui Zahra dia mulai sedar aplikasi media baru membantu dia menyelesaikan tugas pejabat dengan lebih cepat.

Seterusnya cerpen *Aki Popular*. Cerpen ini memberi kesedaran kepada khalayak pembaca tentang kepentingan untuk celik kepada teknologi. Penggunaan gajet dalam kehidupan seharian memberi manfaat kepada pengguna. Cerpen ini sekaligus membuktikan bahawa masa dapat disingkatkan, jarak dapat didekatkan, jarak komunikasi perhubungan dapat diatasi malah pengurusan menjadi mudah dengan menggunakan media baru (2019, hlm. 54).

Cerpen berjudul *Cucu Tok Wan* memperlihatkan sumbangan generasi muda terpelajar membantu generasi terdahulu untuk celik media. Kepulangan Daniel ke kampung datuknya, Tok Wan setelah sekian lama tinggal bersama ibunya di Belanda telah membuka perspektif baru terhadap perniagaan kopi yang diusahakan oleh datuknya itu. Kekecewaan Tok Wan akibat persaingan sengit daripada pengusaha kopi lain terubat apabila persoalan tersebut dapat dileraikan oleh Daniel. Daniel telah memperkenalkan aplikasi media baru untuk membantu mengembangkan perniagaan datuknya. Dengan aplikasi *Instagram* dan *Facebook*, kemerosotan perniagaan Tok Wan dapat dipulihkan. Komunikasi atas talian ternyata memudahkan dan melonjakkan perniagaan yang diusahakan oleh Tok Wan.

Cerpen yang berikutnya iaitu *Rumahku di Desa Hati Abah*, menonjolkan nilai kasih sayang yang dihubungkan dengan kepelbagaian aplikasi media baru. Cerpen yang menggunakan sudut pandang orang pertama ini iaitu watak saya yang sentiasa sibuk menjalani kehidupan seharian. Watak saya sering diburu rasa bersalah kerana jarak yang memisahkannya dengan abah yang sering sakit dan tinggal keseorangan setelah kematian 'emak saya' sejak enam bulan lalu. Dengan kepelbagaian aplikasi moden zaman kini, jarak yang jauh tidak lagi menjadi penghalang. Melalui kemudahan media dan komunikasi digital, watak saya boleh berhubung dengan abah dan anaknya turut dapat berkomunikasi dengan datuk mereka dengan cepat. Nilai kemanusiaan yang dijalin cermat antara hati dan perasaan dengan komunikasi digital sesungguhnya memperlihatkan sisi positif penciptaan pelbagai gajet (2019, hlm. 55).

Cerpen terakhir berjudul *Kuih Peneram Pak Jais* mengungkap tema prasangka buruk terhadap penggunaan aplikasi media baru, membawa kerugian. Sikap dingin masyarakat yang diwakili oleh watak Pak Jais terhadap aplikasi media baru menjadi subjek kepada cerpen berjudul *Kuih Peneram Pak Jais* apabila ternyata penggunaan pelbagai aplikasi media baru membawa banyak kebaikan. Melalui cerpen ini, subjek telah membuktikan bahawa sesiapa sahaja boleh berjaya sekiranya pandai merebut peluang berniaga atas talian dengan menguasai pelbagai aplikasi yang disediakan oleh media baru. Komunikasi atas talian ternyata menawarkan peluang perniagaan yang bersifat global dan membuka jaringan perniagaan yang lebih besar serta menguntungkan.

Secara tuntasnya, penelitian terhadap cerpen yang diterbitkan secara *online* melalui portal *Utusan Online* ini, secara keseluruhannya memerihalkan tema kepelbagaian gajet dan kepentingan komunikasi digital dalam kehidupan masyarakat. Hal ini turut disebut oleh Ali Ahmad (2007, hlm. 11) IT dan siber membuka suatu kultur yang berbeza dengan kultur masyarakat sebenar di luar IT dan siber. Dalam ruang informasi baru ini, ada kebebasan yang seluasnya sama ada dari segi maklumat mahupun pentafsiran atas maklumat. Segalanya terpulang kepada penjelajahnya sama ada kuat atau lemah pegangannya terhadap kebenaran yang diterima oleh manusia yang beretika dan beragama. Kemudian ruang informasi itu juga boleh melahirkan karya sasteranya sendiri (mengikuti tafsiran penggunaannya) yang menawarkan laman web yang tidak terbatas itu. Nilai dan interpretasinya juga bergantung pada akal budi yang berlandaskan kemanusiaan.

JALINAN NARATIF DALAM CERPEN MEDIA BARU HSKU 2017

Selain tema, jalinan naratif yang lain seperti plot dan watak juga memainkan peranan penting dalam pengkisahan sesebuah cerita. Plot ialah penceritaan peristiwa berdasarkan hukum sebab dan akibat (Siti Aishah Murad, 2007, hlm. 57). Penelitian terhadap cerpen media baru HSKU 2017 mendapati terdapat plot yang disusun secara kronologi, unsur imbas kembali dan babakan yang tidak mengikut kronologi.

Jalinan naratif dalam cerpen *Rumahku di Desa Hati Abah* misalnya menggunakan susunan plot yang ringkas serta mudah. Penulis mengungkap dilema kerinduan kepada abahnya yang keseorangan dan terus membawa pembaca mengubat rindu tersebut dengan mengetengahkan kepelbagaian jenis aplikasi media sosial ke dalam kerangka penceritaan. Unsur suspen ditimbulkan secara sepintas lalu ketika menggambarkan keadaan abahnya yang sedang batuk. Penulis turut menarik perhatian pembaca dengan mencipta hujah bahwa dengan bantuan pelbagai aplikasi, kerinduan dapat diatasi dan abahnya juga dapat datang kerumahnya. Kesudahan cerita turut dijalin dengan baik dengan cerita yang berkesudahan dengan pengakhiran yang menggembirakan. Ayah telah bijak menggunakan pelbagai aplikasi dan komunikasi digital dimanfaatkan untuk melariskan jualan anak benih pokok.

Cerpen *Kuih Peneram Pak Jais* pula memperlihatkan tentang peranan generasi muda juga penting untuk menyakinkan masyarakat tentang kepentingan penggunaan media baru dengan meleraikan ketegangan atau salah faham yang timbul kepada penggunaan media baru. Seterusnya cerpen *Cucu Tok Wan* membangunkan naratif cerita melalui watak Daniel yang dinamik. Pengetahuan yang dimiliki oleh Daniel membolehkannya mempengaruhi dan menyakinkan Tok Wan bahawa penggunaan aplikasi media baru dan komunikasi digital dapat merancakkan lagi perniagaannya. Melalui kemudahan internet, Daniel mendapatkan bantuan dana daripada MARA dan kerajaan. Dari situ Tok Wan memperkembangkan perniagaannya. Melalui cerpen ini, kepelbagaian gajet dan komunikasi digital jelas menjadi tunjang penting kepada naratif di samping dukungan perwatakan yang ditampilkan oleh Daniel yang berjaya menyakinkan Tok Wan untuk menerima perubahan demi kebaikan.

Dapat dilihat seterusnya, naratif yang dijalin dalam cerpen *Pondok Ayah* adalah baik. Konflik yang timbul dapat dileraikan melalui kejayaan yang dibawa oleh watak Kamil. Pendirian teguh si ayah terhadap pendidikan pondok yang diusahakannya secara tradisi berjaya dikendurkan dengan keyakinan Kamil terhadap terhadap teknologi komunikasi digital. Kemerosotan bilangan pelajar di sekolah pondok telah berubah selepas teknologi media baharu diperkenalkan sekaligus membuktikan keperluan internet kepada manusia kini serta kepentingan komunikasi digital untuk merancakkan jualan dan perniagaan.

DAMPAK CERPEN MEDIA BARU HSKU 2017

Dalam konteks kajian ini, Teori Esetetika Sastera global sangat memberikan perhatian kepada dampak cerpen iaitu kekuatan dan kelemahan teks. Teori ini mempunyai tanggapan dan konsep tersendiri tentang kekuatan sesebuah karya. Karya yang dapat membangun rasa indah, baik dari segi isi, bahasa, struktur dan unsur-unsur lainnya sangat dihormati oleh pendekatan ini (Mana Sikana, 2013, hlm. 147). Oleh itu, berdasarkan kriteria ini, dampak cerpen media baru HSKU 2017 ini diukur berdasarkan kesemua aspek yang dinyatakan. Cerpen yang terpilih ini sendiri telah melalui proses penilaian oleh juri penilai yang berkualiti dan berkredibiliti. Justeru, aspek nilai sasteranya telah menjadi asas pertimbangan. Karya digital dalam bentuk media baru yang dikirim untuk disiarkan di portal

Utusan Online, dinilai dari segi pemikiran, kreativiti, bahasa, kognitif iaitu karya tersebut mampu menjana daya taakulan pembaca dan menawarkan pengalaman estetik, nilai akhlak, nilai keprihatinan dan nilai keseimbangan (Nor Asmah, Shahidan & Mad Rusli, 2019, hlm. 46-47) untuk dinobatkan sebagai pemenang serta ditawarkan hadiah berupa wang ringgit.

Kekuatan atau kelemahan cerpen ini bergantung kepada pengalaman pembacaan sama ada indah atau tidak. Pengalaman keindahan bersifat subjektif dan bergantung kepada selera pembaca. Namun pengalaman keindahan yang dialami oleh seseorang sewaktu membaca teks, memberikannya ruang untuk membuat penilaian terhadap perkara ini. Dalam hal ini, pembinaan struktur karya, aspek konstektual dan bahasa yang digunakan dalam mengangkat tema dan persoalan berkaitan kepelbagaian gadget dan kepentingan komunikasi digital memberi banyak faedah kepada pembaca. Sebagaimana yang disebutkan oleh Abdul Rahim (2001, hlm. 81) penghasilan dan penyebaran teknologi maklumat memberi banyak faedah dan kebaikan kepada matlamat merapatkan jurang perbezaan pembangunan global. Oleh itu peranan pengarang adalah besar sebagaimana maksud pengarang itu sendiri iaitu, mencipta hasil seni berdasarkan penggunaan perkataan, bunyi melalui pemilihan dan susunan ayat yang terangkum di dalamnya unsur-unsur penceritaan, ide atau gagasan, emosi, fakta dan juga perwatakan. Malah menurut Muhammad Haji Salleh (2000, hlm. 221) tujuan pengarang adalah untuk menghasilkan kesan indah, dan untuk tujuan moral, sosial dan keagamaan.

Selain itu, konsep penerbitan cerpen media baru oleh *Utusan Online* ini membuka peluang pasaran hasil sastera. Dalam hal ini, peranan penerbit menjadi penting dalam mempertimbangkan karya sastera yang akan diterbitkan, pertimbangan berdasarkan selera, keyakinan dan kemungkinan pemasarannya (Umar Junus, 1986, hlm. 11). Pemasaran hasil sastera digital bersangkutan dengan faktor lain, iaitu cara penyampaiannya, dalam bentuk digital yang mudah diakses. Oleh itu, tidak mustahil apabila karya sastera digital menjadi popular berikutan terbitannya secara berkala, iaitu pada setiap hari Ahad, empat kali sebulan. Menurut Umar Junus (1986, hlm. 12), penerbitan yang baik biasanya berhubungan dengan pasaran yang luas. Internet mempunyai pasaran perniagaan yang sangat luas sebagaimana menurut Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah (2011, hlm. 96). Media baru menjadi media sosial yang semakin tidak dapat diketepikan oleh orang ramai kerana sifat interaktifnya sehingga menjadi fenomena global pada masa kini, dan Asia merupakan pasaran terbesar dari segi partisipasi pengguna. Dapat dirumuskan bahawa ruang siber telah menjadi '*one stop centre*' atau pusat sehenti untuk masyarakat internet berkumpul, membentuk jaringan mengikut keperluan, kepentingan dan minat tersendiri sehingga terbentuknya komuniti atas talian.

Kelangsungan hayat penulisan, sama ada yang sastrawi ataupun tidak, pastinya bergantung pada sejauh mana penulisan itu berupaya untuk menarik minat para pembacanya (Raja Ahmad Aminullah, 2015, hlm. 224). Kebolehpasaran karya sastera juga menjamin kelangsungan hayat sastera. Oleh itu, penghasilan karya sastera media baru dilihat dapat memanjangkan jangka hayat sastera, kekal relevan dan sesuai merentasi zaman kerana keupayaannya menghubungkan penulis kepada khalayak pembaca secara terus tanpa sempadan pemisah.

KESIMPULAN

Cerpen media baru yang diperkenalkan oleh *Utusan Online* sebagai sebuah karya sastera digital menyerlahkan tema kepelbagaian gajet, kepentingan peralatan media komunikasi digital dan keperluan internet dalam proses untuk memudahkan kerja yang selama ini dilakukan secara konvensional atau tradisional. Isu dan tema yang disampaikan secara santai tetapi menarik ini, memberi pengalaman pembacaan yang luar biasa ditambah pula dengan bahasa yang digunakan baik serta pembinaan strukturnya kemas dan kukuh. Kesemua ini memberi rasa kepuasan dan terasa cerpen media baru yang dibaca ini memiliki kekuatan tersendiri. Teknik penceritaan yang mudah, ringkas serta dekat kepada jiwa masyarakat menjadikan karya ini sedap dibaca.

Karya sastera digital dalam bentuk cerpen media baru membawa perkembangan positif dalam dunia kesusasteraan Malaysia. Penyesuaian dan perubahan ini menunjukkan bahawa karya sastera media baru mempunyai masa depan yang cerah, kebolehpasaran yang baik serta telah menyemarakkan industri penulisan kreatif secara khususnya. Walau bagaimanapun, cerpen media baru sesungguhnya memerlukan pelbagai inisiatif penambahbaikan terutama untuk mengangkat paradigma pemikiran yang lebih tinggi, menarik dengan teknik persembahan yang lebih kreatif, berdaya saing dan dapat memikat hati setiap golongan pembaca. Usaha ini perlu dilakukan oleh pengarang agar karya media baru terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat internet mahupun komuniti maya.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah di bawah tajaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah geran FP087-2018A

BIODATA

Maznida Mahadi merupakan penulis utama dan penolong penyelidik di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Emel: maznida.mm@gmail.com

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali merupakan Prof Madya dan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Emel: inmarlin@um.edu.my

Salinah Ja'afar merupakan Prof Madya dan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Emel: b1salina@um.edu.my

Mawar Shafei merupakan Prof Madya bidang penulisan kreatif dan kritikan sastera di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: mawar.safei@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Ali Ahmad. (2007). Mengharung lautan zaman. Dlm. Jelani Harun (Ed.), *Ilmu kesusasteraan abad ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahim Abd Rasid. (2001). *Perubahan paradigma nilai ke arah transformasi sosial dan pembentukan Malaysia baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.
- Croteau, D., & Hoynes, W. (1997). *Media/Society: Industries, images, and audiences*. London: Pine Forge Press.
- Internet World Stat.* (2019). Retrieved on July 22, 2019, from <https://www.internetworldstats.com/stats.htm>
- Ku Seman Ku Hussain. (2015). Sastera dan media: Cabaran dan peluang. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, hlm. 439-446). KL: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri, kritikan sastera Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazleen Mohd Nor, Edwin Micheal, Afi Roshezry, Ira Meilita Ibrahim, & Mohd Azmir Mohd Nizah. (2011). Media baru dan demokrasi di Malaysia: Ke arah perpaduan nasional. *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional, Kuala Lumpur, 14-16 Disember 2011*.
- Nor Asmah Zakaria, Shahidan Jaafar, & Mad Rusli Mohd Jamian (pngr.). (2019). *Kurushio*. Kuala Lumpur: Tintarona Publication Sdn. Bhd.
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2015). Pengantarabangsaan sastera Malaysia: Menyusun strategi pemasaran. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, hlm. 301-308). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Puzi Hadi. (2015). E-sastera Malaysia: Online dan offline. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, hlm. 57-74). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Rohaya Md Ali, & Phat a/l Awang Deng. (2018). Proses kreatif dalam media digital. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 96-106.
- Raja Ahmad Aminullah. (2015). Kelangsungan hayat sastera di Malaysia. Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, hlm. 301-308). KL: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Selden R. (1989). *A reader's guide to contemporary literary theory*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aisah Murad. (2007). Teknik penceritaan. Dlm. Mohamad Mohamad Mokhtar Hassan (pngr.), *Sastera teras negara bangsa* (Edisi Kemas kini, hlm. 57-74). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Siti Ezaleila Mustafa, & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2).
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastera persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Official Website – Media Prima/ TV3/ ntv7/ 8TV/ TV9/ Tonton. *MPTV.com*. Retrieved on July 23, 2019, from <http://www.mptv360.com.my/>
- Wolfgang, I. (1978). *The act of reading: A theory of aesthetic response*. Baltimore: John Hopkins University Press.